

24 NOV 2002

Abdullah-Adun/I

TINDAKAN DUA ADUN BN TELADAN BURUK, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata tindakan dua wakil Barisan Nasional (BN) mengecualikan diri semasa pengundian bagi satu usul yang dibangkitkan oleh pembangkang di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang boleh menjadi teladan buruk jika tindakan tidak diambil terhadap mereka.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tindakan mereka itu tidak dapat diterima oleh BN.

Abdullah berkata isu itu akan dibincangkan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga presiden BN sebelum keputusan dibuat dalam menangani hal itu. Dr Mahathir kini berada di Perancis dan dijadualkan pulang ke tanahair pada Selasa.

"Kami masih belum lagi menentukan bentuk tindakan yang boleh diambil terhadap kedua-dua mereka," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan agung ke 10 Barisan Kemaajuan India Se-Malaysia di sini.

Pada Khamis lepas, dua Adun dari MCA Tan Cheng Lian (Jawi) dan Lim Boo Chang (Datuk Keramat) mengecualikan diri daripada mengundi bagi satu usul yang dibawa oleh DAP untuk menunda Projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) yang bernilai RM1.02 bilion.

Mengenai laporan bahawa Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik mahu berjumpa dengan beliau berhubung kes itu, Abdullah berkata beliau sedia menemui pemimpin MCA itu.

Apabila ditanya lagi bahawa kedua-dua wakil BN itu sebenarnya tidak membantah usul berkenaan tetapi hanya mengecualikan diri daripada mengundi, Timbalan Perdana Menteri berkata: "Mereka perlu mengundi...sama ada menentang atau mengecualikan diri bererti tidak mengundi menyokong BN."

"...Kita tak benarkan sesiapa pun mengecualikan diri daripada hadir dan mengundi melainkan ada sebab-sebab besar seperti sakit, kematian atau menjalankan tugas di luar negara."

Sementara itu mengulas mengenai laporan akhbar bahawa 11 penuntut Malaysia diusir dari Britain kerana bekerja secara tidak sah di negara itu, Abdullah berkata kerajaan tidak akan merayu terhadap keputusan pihak berkuasa Britain itu.

Beliau berkata mereka telah melakukan kesalahan di bawah undang-undang Britain, mereka perlu dihantar balik ke negara asal mereka.

"Kita berasa malu apabila rakyat kita yang berada di negara lain ataupun yang melawat negara lain melakukan sesuatu yang menyalahi undang-undang negara itu. Mereka perlu menghormati undang-undang dan jika mereka perlu pulang, mereka harus pulang," kata Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri.

Beliau juga ditanya mengenai keengganan beberapa penduduk Taman Hillview untuk berpindah walaupun kajian menunjukkan cerun bukit di situ tidak stabil dan boleh menyebabkan tanah runtuh seperti yang meranapkan banglo bekas Panglima Angkatan Tentera Malaysia Tan Sri Ismail Omar pada Rabu lepas. Dalam kejadian itu enam anggota keluarga Ismail dan dua pembantu rumahnya terbunuh.

Abdullah menasihati para penduduk terbabit supaya mematuhi syor pihak berkuasa.

Beliau juga berkata kerajaan tidak boleh memaksa mereka meninggalkan rumah masing-masing dan jika mereka memilih untuk terus kekal di situ, mereka perlu menanggung sendiri risikonya.

Mengenai kematian tahanan di penjara dan lokap polis, Abdullah berkata

adalah tidak adil untuk menuding jari ke arah pihak berkuasa apabila insiden seperti itu berlaku.

Beliau berkata, sebenarnya, pihak-pihak berkaitan akan dipanggil untuk menyiasat apa-apa kematian mengejut.

Dalam ucapan perasmiannya di perhimpunan agung itu Abdullah memuji IPF kerana sokongan tidak berbelah bahagi dan komitmennya bagi BN walaupun tidak menganggotai perikatan itu.

Menjawab hal-hal yang dibangkitkan oleh Presiden IPF Datuk M.G. Pandithan dalam ucapannya terlebih dahulu, Timbalan Perdana Menteri berkata kerajaan akan terus mewujudkan peluang-peluang ekonomi untuk membantu masyarakat India.

Beliau juga berkata, satu program jangka panjang membabitkan peruntukan RM20 juta telah dirumuskan untuk mengalakkan belia-belia India menyertai aktiviti sihat.

-- BERNAMA

MAM MAM PR